

# Penyelidikan & Pembangunan Program Kesihatan Ikan dalam Akuakultur



KAJIAN SEPARUH PENGAL  
RMK12 (2021 - JUN 2023)





KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

# Penyelidikan & Pembangunan Program Kesihatan Ikan dalam Akuakultur

**EDITOR**

**Azila binti Abdullah**

**SIDANG PENGARANG**

**Rimatulhana binti Ramly**

**Padilah binti Bakar**

**Mohd. Syafiq bin Muhammad Ridzuan**

**Rohaiza Asmini binti Yahya**

**Noor Hanis binti Abu Halim**

**Muhammad Syafiq Izzuddin bin Abdul Hadi**

**Kamisa binti Ahmad**

**PUSAT PENYELIDIKAN KESIHATAN IKAN KEBANGSAAN (NaFiSH)  
INSTITUT PENYELIDIKAN PERIKANAN (FRI)**

© 2023 Institut Penyelidikan Perikanan Malaysia  
Hak Cipta Terpelihara





## SENARAI KANDUNGAN

1.0	LATAR BELAKANG PROJEK	4
2.0	TUJUAN PROJEK	5
3.0	PERUNTUKAN	6
4.0	PENCAPAIAN PENYELIDIKAN	7
5.0	PATEN YANG TELAH DIHASILKAN	20
6.0	SENARAI PENERBITAN - JURNAL	21
7.0	SENARAI PENERBITAN - BUKU	22
8.0	SENARAI PENERBITAN - LAPORAN KAJIAN	23
9.0	SENARAI PENERBITAN - MAJALAH	26
10.0	PEMBENTANGAN SEMINAR	27
11.0	PASCA SISWAZAH	32
12.0	ISU	33
13.0	PENUTUP	34
	PENGHARGAAN	35
	LAMPIRAN	36

# 1.0 LATAR BELAKANG PROJEK

Peningkatan aktiviti akuakultur secara intensif ditambah pula dengan pengurusan ternakan yang kurang sistematik boleh mengakibatkan kemerosotan kualiti air yang menjurus kepada peningkatan masalah penyakit di dalam akuakultur. Peningkatan aktiviti akuakultur ini juga menyebabkan jumlah benih tempatan tidak mencukupi dan Malaysia terpaksa mengimport benih luar bagi tujuan induk/baka dan pengeluaran ternakan (Jadual 1). Sebagai contoh, sebanyak 31% peningkatan pengimportan ikan hidup telah direkodkan bagi tahun 2014-2015 (statistik perikanan). Aktiviti pengimportan baka dan benih yang sukar dikawal ini akan menyebabkan pergerakan rentas sempadan patogen melalui kemasukan benih yang diimport, pengenalan spesies baru dan juga kemunculan semula penyakit.



Peningkatan masalah penyakit dalam industri akuakultur telah mengakibatkan kerugian besar kepada penternak dan seterusnya merekodkan kemerosotan hasil keluaran perikanan negara (Jadual 1).


**Jadual 1:** Kerugian dan penurunan pengeluaran akuakultur akibat penyakit

Spesies	Penyakit	Kerugian/impak penyakit
Udang marin	1. White spot disease (Penyakit Bintik Putih)/ WSD/WSSV	<b>Kerugian:</b> China: US\$400juta (1993) India: US\$7.6juta (1994) Thailand: US\$500juta (1996) <b>Malaysia</b> RM82.63juta (1998)
	2. Acute hepatopancreatic necrosis disease (AHPND/ EMS)	<b>Kerugian:</b> <b>Malaysia:</b> RM0.36juta/ USD 0.1b (2011)4&5 Thailand: USD1b (2015) <b>Penurunan pengeluaran:</b> Thailand: 54% (2013) <b>Malaysia:</b> 30-50% (2011) 4&5
Koi	Koi Herpes Virus (KHV)	<b>Kerugian:</b> Indonesia: US\$25juta (2002-2003) <b>Malaysia:</b> Sekatan ke negara EU sejak 2008 yang mengakibatkan penurunan eksport sebanyak 51.59% pada tahun 20136
Tilapia	Tilapia lake Virus (TiLV)	<b>Kerugian:</b> Egypt: US\$100juta (2015)7 <b>Malaysia:</b> 5.3% mortality/morbidity dalam ikan liar dan ikan ternakan (2017)8

Masalah serangan penyakit ini dijangka akan terus meningkat selaras dengan peningkatan aktiviti akuakultur yang semakin intensif, jumlah pendaratan ikan tangkapan yang berkurangan dan permintaan ikan sebagai sumber protein yang semakin meningkat. Akibat serangan penyakit, penternak akan mencari pelbagai cara bagi merawat atau mengatasi masalah tersebut sehingga membawa kepada penggunaan bahan kimia dan antibiotik yang berleluasa. Kaedah pengawalan dan pencegahan yang masih terhad di dalam akuakultur di Malaysia terutamanya penggunaan antibiotik yang berlebihan dan tidak terkawal boleh menghasilkan organisma patogen yang rintang/resistan terhadap antibiotik. Kekurangan pemahaman tentang penggunaan antibiotik (*withdrawal period*) menyebabkan terdapat residu antibiotik yang tertinggal di dalam produk-produk akuakultur yang boleh memudaratkan kesihatan pengguna.

Kesimpulannya, kajian untuk mengenalpasti status semasa penyakit berkepentingan ekonomi, mekanisma infeksi patogen dan aspek pencegahan, pengawalan dan rawatan ke atas penyakit-penyakit di dalam akuakultur perlu terus dilakukan bagi mencari jalan penyelesaian terhadap peningkatan masalah penyakit.

## 2.0 TUJUAN PROJEK




Untuk menepati tujuan ini, maka tiga skop kajian utama telah dirancang dan dijalankan pada tempoh masa di antara Februari 2021 - 30 Jun 2023. Skop-skop tersebut ialah: (1) Penyelidikan faktor-faktor risiko kejadian penyakit berkepentingan ekonomi; (2) Penyelidikan dan pembangunan kaedah pencegahan/kawalan penyakit dalam akuakultur; (3) Penyelidikan dan pembangunan rawatan alternatif dalam akuakultur; (4) Peningkatan kapasiti dan kapabiliti makmal penyelidikan NaFisH dan (5) Upah, gaji dan TNT bagi kakitangan untuk menjalankan penyelidikan. Bagi merekodkan segala output dan pencapaian separuh penggal RMK-12, maka laporan ini disediakan mengikut skop-skop kajian utama 1, 2 & 3 di atas.

### 3.0 PERUNTUKAN

Bil	Skop	Belanja 2021	Belanja 2022	Belanja 2023 (Sehingga Jun 2023)
1	Penyelidikan faktor risiko kejadian penyakit berkepentingan ekonomi	569,998.70	959,871.19	326,668.12
2	Penyelidikan dan pembangunan kaedah pencegahan/kawalan penyakit dalam akuakultur	579,998.70	2,457,670.19	700,294.77
3	Penyelidikan dan pembangunan rawatan alternatif dalam akuakultur	299,998.60	1,199,838.98	377,710.01
4	Peningkatan kapasiti & kapabiliti makmal penyelidikan NaFisH	149,999.10	381,948.74	296,723.54
<b>JUMLAH</b>		<b>1,599,995.10</b>	<b>4,999,329.10</b>	<b>1,701,396.44</b>

#### PERBELANJAAN MENGIKUT SKOP TAHUN 2021




Peningkatan Kapasiti & Kapabiliti Makmal Penyelidikan NaFisH  
**RM149,999.10**

Penyelidikan Pembangunan Rawatan Alternatif Dalam Akuakultur  
**RM299,998.60**

Penyelidikan Faktor Risiko Kejadian Penyakit Berkepentingan Ekonomi  
**RM569,998.70**

Penyelidikan dan Pembangunan Pencegahan/Kawalan Penyakit dalam Akuakultur  
**RM579,998.70**

#### PERBELANJAAN MENGIKUT SKOP TAHUN 2022




Peningkatan Kapasiti & Kapabiliti Makmal Penyelidikan NaFisH  
**RM381,948.74**

Penyelidikan dan Pembangunan Rawatan Alternatif dalam Akuakultur  
**RM1,199,838.98**

Penyelidikan Faktor Risiko Kejadian Penyakit Berkepentingan Ekonomi  
**RM959,871.19**

Penyelidikan dan Pembangunan Kaedah Pencegahan/Kawalan Penyakit dalam Akuakultur  
**RM2,457,670.19**

#### PERBELANJAAN MENGIKUT SKOP SEHINGGA JUN 2023



Peningkatan Kapasiti & Kapabiliti Makmal Penyelidikan NaFisH  
**RM296,723.54**

Penyelidikan Pembangunan Rawatan Alternatif Dalam Akuakultur  
**RM377,710.01**

Penyelidikan Faktor Risiko Kejadian Penyakit Berkepentingan Ekonomi  
**RM326,668.12**

Penyelidikan dan Pembangunan Pencegahan/Kawalan Penyakit dalam Akuakultur  
**RM700,294.77**

## 4.0 PENCAPAIAN PENYELIDIKAN

### SKOP 1: Penyelidikan Faktor Risiko Kejadian Penyakit Berkepentingan Ekonomi Di Lapangan

Tajuk Kajian	Pencapaian	Tahun
Molecular epidemiology & evolutionary dynamics of betanodavirus in Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kajian ini melibatkan kerjasama dengan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).</li> <li>Projek ini dijalankan untuk mengkaji status kehadiran strain baru betanodavirus di perairan yang melibatkan penternakan ikan marin seperti siakap dan kerapu.</li> <li>Terdapat 5 kluster utama di Semenanjung Malaysia yang telah ditentukan iaitu Pulau Langkawi (Kedah), Sg. Udang (Pulau Pinang), Pulau Ketam (Selangor), Kuala Kurau (Perak) dan Kukup (Johor).</li> <li>Kajian bagi tahun 2023 dimulakan dengan memfokuskan persampelan di Pulau Langkawi, Kedah.</li> <li>Hebahan dan pemilihan tempat persampelan telah diadakan pada 1 Feb 2023. Hebahan projek telah dilakukan dengan kerjasama antara pihak FRI Langkawi (Dr. Asyraf dan En. Azim) dan PPD Langkawi (En. Azahar dan En. Fairuz) dan UMK telah mendapat sambutan yang memuaskan daripada penternak ikan laut di Pulau Langkawi.</li> <li>Sebanyak dua tempat persampelan telah dipilih di Kawasan perairan Pulau Langgun iaitu Syarikat West Coast yang mempunyai ladang ternakan dan hatceri. Manakala satu lagi ladang ternakan telah dipilih bagi mewakili Kawasan Perairan Penarak.</li> <li>Persampelan pertama telah dilakukan pada 20 - 22 Mac 2023. Hasil awal kajian menunjukkan keputusan yang negatif bagi pengesanan betanodavirus dalam sampel. Namun, pengoptimuman kaedah pengesanan penyakit menggunakan teknik PCR juga sedang dijalankan bagi memastikan teknik yang digunakan adalah tepat.</li> <li>Persampelan kedua telah dijadualkan pada 24 -27 Julai 2023.</li> </ul>	Jan 2023 - kini
Virulensi semula virus TiLV dari isolasi tempatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengesanan virus TiLV daripada tisu kultur telah dijalankan melalui kaedah real-time qPCR.</li> </ul>	2022
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengesanan virus TiLV dari tisu kultur telah berjaya dikesan dari isolasi Tilapia Kulim (TK6) dan telah digunakan untuk kajian patogenisiti ke atas Tilapia untuk menguatkan virus semula.</li> <li>Virus TiLV telah berjaya dikesan semula dari organ Tilapia yang disuntik dengan isolasi TK6.</li> </ul>	2023
Persampelan ikan siakap untuk pengesanan betanodavirus (VNN)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Status VNN adalah endemik di pantai timur terutamanya di Terengganu.</li> <li>Perubahan iklim terutamanya perubahan suhu yang mendadak merupakan factor risiko utama jangkitan VNN dalam ikan siakap.</li> <li>Larva dan rega ikan lebih mudah dijangkiti virus penyebab VNN.</li> </ul>	2021-2023
Penyakit ternakan <i>Pangasius</i> sp. di sangkar Sg. Temerloh dan pengesanan secara biomolekul.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pangkalan data epidemiologi penyakit <i>Edwardsiella ictaluri</i> dalam <i>Pangasius</i> sp. dibangunkan</li> <li>Faktor hubungkait di antara kualiti air dan jangkitan patogen dikenalpasti</li> </ul>	2022
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penghasilan kaedah pengesanan bakteria <i>Edwardsiella ictaluri</i> dan <i>Aeromonas hydrophila</i> secara serentak telah dibangunkan dan sekarang dalam peringkat penilaian di makmal dan lapangan bagi pelbagai jenis ikan dan jumlah DNA.</li> </ul>	2023

Tajuk Kajian	Pencapaian	Tahun
Kajian penyakit <i>Edwardsiellosis</i> dalam ikan patin sangkar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kajian untuk pusingan kedua masih berjalan. Penemuan awal yang diperolehi adalah: <ul style="list-style-type: none"> <li>» Prevalen <i>E. ictaluri</i>: 0-17%</li> <li>» Bakteria <i>E. ictaluri</i> boleh menjangkiti semua saiz patin</li> </ul> </li> <li>Saiz paling berisiko dijangkiti <i>E. ictaluri</i> ialah &lt;50g dan 151-200g.</li> </ul>	2021-2023
Kajian faktor risiko kualiti air terhadap kejadian kematian ikan besar-besaran di Sungai Pahang	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kajian untuk tahun kedua masih berjalan.</li> <li>Penemuan tahun pertama: <ul style="list-style-type: none"> <li>» Faktor risiko kematian ikan patin sangkar di Sungai Pahang ialah jumlah pepejal terampai dan ammonia.</li> </ul> </li> </ul>	2022-2023
Analisis metagenomik kepelbagaian bakteria daripada enapcemar sangkar ikan patin di Sungai Pahang, Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> <li>Terdapat perbezaan yang ketara antara komuniti bakteria dalam air dan dalam enapan sangkar.</li> <li>Komuniti bakteria adalah hampir sama di dalam air dari kelima-lima lokasi yang terlibat dalam kajian. Namun begitu, komuniti bakteria adalah berbeza di dalam enapan sangkar. Ianya bergantung kepada beberapa faktor: <ul style="list-style-type: none"> <li>» Kebersihan - sangkar yang bersih kurang komuniti bakteria. Risiko penyakit lebih tinggi dalam sangkar yang kurang terurus kerana terdapat komuniti bakteria yang pelbagai dan kehadiran bakteria patogen.</li> <li>» Rejim makanan - jenis dan cara pemberian makanan di sangkar juga memberi kesan kepada komuniti bakteria.</li> <li>» Aktiviti di sekeliling sangkar ikan - kawasan pertanian, penempatan manusia.</li> <li>» Jarak dengan laut - air dari laut yang memasuki ke sungai boleh mempengaruhi jenis bakteria.</li> </ul> </li> </ul>	2022-2023
Kajian penyakit ternakan udang marin (AHPND dan EHP)	<ul style="list-style-type: none"> <li>AHPND dan DIV1 tidak dikesan daripada udang putih ternakan tangki superintensif di Pulau Pinang pada tahun 2021.</li> <li>Satu wabak penyakit dengan kematian udang &gt;50% dikesan pada udang diperingkat grow-out (DOC58) dikenali sebagai 'simptom najis putih' disebabkan oleh <i>Vibrio</i> spp. (50%) daripada <i>V. parahaemolyticus</i>, <i>V. alginolyticus</i> dan <i>V. vulnificus</i>.</li> <li>Jangkitan <i>Enterocytozoon hepatopenaei</i> (EHP) yang tinggi (100%) dikesan dengan udang menunjukkan perbezaan saiz yang ketara kepada 5-6 kumpulan daripada umur/batch ternakan yang sama.</li> </ul>	2021
	<ul style="list-style-type: none"> <li>AHPND tidak dikesan di Kedah, P. Pinang, Terengganu dan Johor (n=422).</li> <li>EHP dikesan dengan prevalen daripada 5-93% pada udang putih. Prevalen rendah (5-25%) dikesan diperingkat juvenil (&lt;DOC30) dan semakin meningkat apabila udang mencapai peringkat grow-out (35-93%) dengan tumbesaran yang terbantut.</li> </ul>	2022

Tajuk Kajian	Pencapaian	Tahun
Kajian penyakit infectious myonecrosis virus (IMNV) pada udang marin di Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kajian awal di utara Semenanjung mendapati wabak IMNV di kesan di Penang (2) dan Kedah (3) dengan kematian tinggi melebihi 50-100% dan prevalen di antara 40-100%.</li> <li>Co-infection EHP di kesan dengan prevalen tinggi di antara 50-100% dari 2 ladang terlibat.</li> </ul>	2022
	<ul style="list-style-type: none"> <li>IMNV tidak dikesan pada <i>P. vannamei</i> (n=538) dan <i>P. monodon</i> (n=340) dari ladang ternakan udang di Semenanjung Malaysia pada tahun 2023.</li> <li>Co-infection EHP dikesan dengan prevalen tinggi (&gt;50-100%) pada <i>P. vannamei</i> dan <i>P. monodon</i> (8-55%). daripada pelbagai peringkat umur di antara DOC10-82.</li> <li>AHPND dengan prevalen sederhana dikesan pada <i>P. vannamei</i> (DOC&lt;30, 23-32%) dan <i>P. monodon</i> (DOC34, 27%) di beberapa ladang di Bahagian Timur Semenanjung Malaysia. Hanya 10% (2/20) daripada ladang ternakan udang marin bebas dari penyakit endemik AHPND dan/atau EHP.</li> </ul>	2023
Kajian penyaringan kemunculan penyakit baru <i>Decapod Iridescent Virus-1</i> (DIV1) dalam ternakan udang	<ul style="list-style-type: none"> <li>DIV1 merupakan ancaman kepada penternak udang disebabkan oleh jangkitan yang menyebabkan kematian tinggi kepada benih dan udang diperingkat juvenil. Terdapat 2 strain DIV1, iaitu <i>Shrimp haemocyte iridescent virus</i> (SHIV) dan <i>Cherax quadricarinatus iridovirus</i> yang kemudiannya dikenali sebagai DIV1 pada tahun 2019.</li> <li>Serangan DIV1 pada udang marin menyerupai AHPND dan <i>Vibriosis</i> manakala kehadiran DIV pada udang kara adalah sebagai pembawa 'carrier'.</li> <li><b>Kajian awal mendapati DIV1 tidak dikesan pada udang putih di Kedah (n=150), P. Pinang (n=60), Terengganu (n=86) dan Johor (n=126).</b></li> <li><b>Saringan penyakit pada udang kara (<i>C. quadricarinatus</i>, n=66) dan udang galah (n=30) juga memberikan keputusan negatif.</b></li> </ul>	2021-2022
Pengesanan jangkitan parasit Capsalid monogenean dalam ternakan ikan marin	<ul style="list-style-type: none"> <li>Keputusan kajian menunjukkan purata prevalen jangkitan parasit Capsalid adalah tinggi iaitu 65% -100%. Kajian ini akan diteruskan pada tahun 2023 bagi membuat rawatan untuk mengawal serta mengurangkan jangkitan Capsalid dalam ternakan ikan jenahak.</li> </ul>	2022
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kajian ini diteruskan dengan pengesanan serta kaedah rawatan dan kawalan untuk tempoh 50 hari ikan dalam ternakan. Benih ikan yang dibawa masuk dibahagikan kepada 2 kumpulan iaitu ikan tanpa EOCIN dan ikan makan EOCIN.</li> <li>Untuk pusingan pertama dalam tempoh 50 hari, persampelan telah dilakukan sebanyak 2 kali. Prevalen jangkitan monogenea Capsalid sp bagi ikan tanpa EOCIN adalah 10% manakala ikan yang menerima EOCIN adalah 5%. Ini menunjukkan terdapat pengurangan sebanyak 5% jangkitan parasit selepas pemberian EOCIN.</li> </ul>	2023
Kajian pengesanan larva nematoda ( <i>Anisakis</i> sp.) dalam ikan selang di perairan Pantai Timur dan Pantai Barat Semenanjung Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jangkitan Anisakiasis terjadi secara tidak sengaja selepas memakan larva <i>Anisakis</i> sp. Ianya boleh memberi kesan alergik kepada manusia sekiranya termakan pada peringkat larva tiga (L3). Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui status parasit <i>Anisakis</i> sp di dalam ikan selang di Pantai Timur dan Pantai Barat Semenanjung Malaysia.</li> <li>Kebiasaan <i>Anisakis</i> sp. dijumpai di organ-organ seperti hati, perut, pyloric caeca, organ pembiakan, kaviti badan dan usus.</li> <li>Purata prevalen jangkitan <i>Anisakis</i> sp di Pantai Timur (K. Terengganu) (0%-86.7%) manakala di Pantai Barat iaitu Perak 0%-20% dan Kuala Perlis adalah 13.3%-63.3%.</li> </ul>	2022
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Purata prevalen jangkitan <i>Anisakis</i> sehingga Jun 2023 adalah 0%-47% bagi Pantai Timur, manakala di Pantai Barat iaitu Perak (3.3%-23.2%) dan K. Perlis ialah 6.7%-83.3%.</li> </ul>	2023

# LAMPIRAN OUTPUT & AKTIVITI SKOP 1

## Kajian Anisakis



## Kajian Viral Nervous necrosis (VNN)



## Kajian epidemiologi penyakit udang



Virulensi semula virus TiLV dari isolasi tempatan



Kajian faktor risiko kualiti air




## SKOP 2: Penyelidikan & Pembangunan Kaedah Pencegahan/Kawalan Penyakit Akuakultur

Tajuk Kajian	Pencapaian	Tahun
Whole Genome Analysis of Nervous Necrosis Virus (NNV)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kajian ini melibatkan kerjasama dengan pihak Universiti Malaysia Kelantan (UMK) &amp; Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).</li> <li>Projek ini dijalankan untuk mengkaji dan mendapatkan jujukan penuh bagi genom betanodavirus tempatan.</li> <li>Pengoptimuman PCR untuk 3 set primer yang baru direka bentuk telah dijalankan dan RdRp gen telah berjaya diamplifikasi untuk sampel (AVA Singapore dan Bawal Emas).</li> <li>PCR produk telah dituliskan dan dihantar untuk penjujukan DNA. Keputusan penjujukan telah dianalisa dengan bantuan Dr. Hazreen Nita dan Prof. Madya Dr. Nur Nazifah. Berdasarkan analisa yang telah dibuat, penjujukan lengkap gen RdRp telah diperolehi untuk kedua-dua sampel.</li> <li>Jujukan RNA1 dan RNA2 daripada 2 isolat betanodavirus tempatan (BE2008 &amp; KL0022) telah dideposit ke GenBank untuk dijadikan sebagai rujukan global.</li> <li>Kajian ini telah selesai.</li> </ul>	2021-2023
Pembangunan kit pengesanan pantas bagi penyakit <i>Streptococcus</i> dalam ikan air tawar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ujian cabaran (terhadap <i>S. agalactiae</i>) di makmal menunjukkan kit pengesanan menghasilkan sensitiviti 93.3% dalam ikan bersaiz 150g dan 80% dalam ikan bersaiz 50g.</li> </ul>	2021-2023
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penghasilan rapid detection kit menggunakan kaedah lateral flow immunoassay dan penambahbaikan menggunakan aptamer bagi meningkatkan kestabilan kit.</li> </ul>	2022-2023
Penghasilan recombinant vaksin terhadap penyakit VNN serta penentuan keberkesanannya dalam ikan tilapia di peringkat makmal	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kaedah pengesanan dan penentuan virus melalui ELISA telah berjaya dibangunkan.</li> <li>Satu paten (rekombinan vaksin kerjasama IIUM) Patent no. : <b>UI2021006234</b> diperolehi.</li> <li>Kajian dalam ikan tilapia berada pada peringkat analisa data melalui kaedah ELISA dan histopathologi.</li> </ul>	2022-2023
Protection of seabass larvae against VNN using bioencapsulated live feed vaccine	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penggunaan 10 mg/mL SirehMAX™ pada 400 ind/mL rotifer selama 1 jam adalah protokol yang berkesan untuk pembasmian bakteria pada rotifer.</li> <li>Pada dos <math>5.0 \times 10^8</math> CFU, kira-kira 500 individu rotifer telah terdedah kepada vaksin VNN rekombinan dan mencapai kadar serapan maksimum dalam masa 30 minit rendaman. Ujian analisis PCR telah mengesahkan kehadiran vaksin VNN rekombinan di dalam rotifer dengan pengesanan jalur lemah pada amplicon 59-bp.</li> </ul>	2021

Tajuk Kajian	Pencapaian	Tahun
Development of inactivated <i>Vibrio</i> vaccine for grouper broodstocks	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tindak balas keimunan adaptif dalam induk ikan kerapu harimau setelah mendapat suntikan vaksin <i>V. alginolyticus</i> tidak aktif telah dijalankan.</li> <li>Keputusan menunjukkan selepas 2 minggu pemberian vaksin, paras IgM dalam kedua-dua sampel, lendir dan serum telah meningkat.</li> <li>Ini menunjukkan bahawa pemberian dos penggalak tambahan meningkatkan tindak balas keimunan yang lebih kuat dan dengan tempoh perlindungan yang lebih lama.</li> </ul>	2021
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penilaian pemindahan secara pasif keimunan ibu dalam telur, larva dan rega ikan kerapu harimau telah dijalankan.</li> <li>Keputusan menunjukkan secara signifikan (<math>p &lt; 0.05</math>) paras antibodi IgM yang lebih tinggi dalam telur yang dihasilkan oleh induk ikan yang divaksin berbanding kumpulan kawalan.</li> <li>Paras antibodi IgM dalam larva 1 DAH yang dihasilkan oleh induk ikan yang divaksin adalah secara signifikan (<math>p &lt; 0.05</math>) lebih tinggi daripada kumpulan kawalan.</li> </ul>	2022
Kesan sistem dan pengurusan terhadap produktiviti hasil ternakan ikan patin sangkar di Sungai Pahang	<ul style="list-style-type: none"> <li>Terdapat perbezaan ketara antara pengurusan sangkar-sangkar di lokasi-lokasi yang terlibat;</li> <li>Perbezaan pengurusan mempengaruhi taburan mikrobiologi dan kesihatan ikan.</li> </ul>	2022-2023
Kajian keberkesanan kaedah SHOS-Spotter	<ul style="list-style-type: none"> <li>Percubaan pertama dijalankan menggunakan telefon mudah alih sebagai alat pengesanan imej usus udang untuk tujuan penilaian skor status kesihatan udang sebagai pengganti kepada pemeriksaan mikroskop beresolusi tinggi</li> </ul>	2022
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Status kesihatan udang dapat dikesan melalui pemeriksaan mikroskopik usus udang dalam tempoh 1 hingga 3 jam di lapangan. Kaedah SHOS-Spotter memberi 95% ketepatan di dalam mengesan penyakit AHPND daripada pemeriksaan usus udang berbanding dengan 100% ketepatan melalui kaedah molekular PCR.</li> </ul>	2022-2023
Kajian pembangunan kaedah pengesanan penyakit bintik putih protozoa <i>C. irritans</i> melalui teknik AI di peringkat makmal	<ul style="list-style-type: none"> <li>Protozoa bintik putih di makmal telah berjaya dibangunkan dan pengesanan telah dilakukan dengan mengenalpasti tanda-tanda klinikal melalui pemerhatian kasar dan pemeriksaan dibawah mikroskop.</li> <li>Sebanyak 5000 imej telah digunakan untuk pembangunan sistem AI bagi pengesanan penyakit protozoa bintik putih bermula dari Jan. hingga Okt. 2022. Pendaftaran harta intelek telah bermula pada Nov. 2022. Verifikasi data ke atas 1250-1500 imej yang telah dikelaskan sebagai 'unknown' telah dilaksanakan pada Jan. 2023 melalui penilaian pakar penyakit dari IPP. Kajian ini telah tamat di peringkat NaFisH.</li> </ul>	2022-2023

## LAMPIRAN OUTPUT & AKTIVITI SKOP 2

### Pembangunan Kit Streptokit



### Kajian kolaborasi Cryptocryoniasis dengan pihak UUM



## Kajian SHOS-Spotter



## Kajian kesan sistem dan pengurusan sangkar Sungai Pahang



Database genom penuh (whole genome) betanodavirus yang dilaporkan di dalam genbank

NIH National Library of Medicine National Center for Biotechnology Information

Nucleotide Nucleotide Search

Advanced Help

GenBank Send to

**Golden pompano nervous necrosis virus strain RGNNVBE2006 coat protein gene, complete cds**

GenBank: OR063814.1  
FASTA Graphics

Go to

LOCUS OR063814 1026 bp RNA linear VRL 22-AUG-2023  
DEFINITION Golden pompano nervous necrosis virus strain RGNNVBE2006 coat protein gene, complete cds.  
ACCESSION OR063814  
VERSION OR063814.1  
KEYWORDS  
SOURCE Golden pompano nervous necrosis virus  
ORGANISM Golden\_pompano\_nervous\_necrosis\_virus  
Viruses; Riboviria; Orthornavirae; Kitrinoviricota; Magsviricetes; Nodamuvirales; Nodaviridae; Betanodavirus.  
REFERENCE 1 (bases 1 to 1026)  
AUTHORS Abdullah,A., Mohd Khalid,H.N., Abdul Rahman,A.N., Mansor,N.N. and Roli,Z.  
TITLE Direct Submission  
JOURNAL Submitted (28-MAY-2023) Fisheries Malaysia, National Fish Health research Centre, Fisheries Research Institute, Batu Maung, Pulau Pinang 11960, Malaysia  
COMMENT ##Assembly-Data-START##  
Sequencing Technology :: Sanger dideoxy sequencing  
##Assembly-Data-END##

Change region shown  
Customize view  
Analyze this sequence  
Run BLAST  
Pick Primers  
Find in this Sequence  
Recent activity  
Turn Off Clear  
Golden pompano nervous necrosis virus strain RGNNVBE2006 coat protein g Nucleotide  
Golden pompano nervous necrosis virus strain RGNNVBE2006 protein A gen Nucleotide  
HLA-B major histocompatibility complex, class I, B [Homo sapiens] Gene  
bawal emas malaysia AND (alive[prop]) (1) Gene  
bawal emas malaysia (12) Genome

Nucleotide Nucleotide Search

Advanced Help

GenBank Send to

**Golden pompano nervous necrosis virus strain RGNNVBE2006 coat protein gene, complete cds**

GenBank: OR063814.1  
FASTA Graphics

Go to

LOCUS OR063814 1026 bp RNA linear VRL 22-AUG-2023  
DEFINITION Golden pompano nervous necrosis virus strain RGNNVBE2006 coat protein gene, complete cds.  
ACCESSION OR063814  
VERSION OR063814.1  
KEYWORDS  
SOURCE Golden pompano nervous necrosis virus  
ORGANISM Golden\_pompano\_nervous\_necrosis\_virus  
Viruses; Riboviria; Orthornavirae; Kitrinoviricota; Magsviricetes; Nodamuvirales; Nodaviridae; Betanodavirus.  
REFERENCE 1 (bases 1 to 1026)  
AUTHORS Abdullah,A., Mohd Khalid,H.N., Abdul Rahman,A.N., Mansor,N.N. and Roli,Z.  
TITLE Direct Submission  
JOURNAL Submitted (28-MAY-2023) Fisheries Malaysia, National Fish Health research Centre, Fisheries Research Institute, Batu Maung, Pulau Pinang 11960, Malaysia  
COMMENT ##Assembly-Data-START##  
Sequencing Technology :: Sanger dideoxy sequencing  
##Assembly-Data-END##

Change region shown  
Customize view  
Analyze this sequence  
Run BLAST  
Pick Primers  
Find in this Sequence  
Recent activity  
Turn Off Clear  
Golden pompano nervous necrosis virus strain RGNNVBE2006 coat protein g Nucleotide  
Golden pompano nervous necrosis virus strain RGNNVBE2006 protein A gen Nucleotide  
HLA-B major histocompatibility complex, class I, B [Homo sapiens] Gene  
bawal emas malaysia AND (alive[prop]) (1) Gene  
bawal emas malaysia (12) Genome

Nucleotide Nucleotide Search

Advanced Help

GenBank Send to

**Golden pompano nervous necrosis virus strain RGNNVBE2006 protein A gene, complete cds**

GenBank: OR063813.1  
FASTA Graphics

Go to

LOCUS OR063813 3015 bp RNA linear VRL 22-AUG-2023  
DEFINITION Golden pompano nervous necrosis virus strain RGNNVBE2006 protein A gene, complete cds.  
ACCESSION OR063813  
VERSION OR063813.1  
KEYWORDS  
SOURCE Golden pompano nervous necrosis virus  
ORGANISM Golden\_pompano\_nervous\_necrosis\_virus  
Viruses; Riboviria; Orthornavirae; Kitrinoviricota; Magsviricetes; Nodamuvirales; Nodaviridae; Betanodavirus.  
REFERENCE 1 (bases 1 to 3015)  
AUTHORS Abdullah,A., Mohd Khalid,H.N., Abdul Rahman,A.N., Mansor,N.N. and Roli,Z.  
TITLE Direct Submission  
JOURNAL Submitted (28-MAY-2023) Fisheries Malaysia, National Fish Health research Centre, Fisheries Research Institute, Batu Maung, Pulau Pinang 11960, Malaysia  
COMMENT ##Assembly-Data-START##  
Sequencing Technology :: Sanger dideoxy sequencing  
##Assembly-Data-END##

Change region shown  
Customize view  
Analyze this sequence  
Run BLAST  
Pick Primers  
Find in this Sequence  
Recent activity  
Turn Off Clear  
Golden pompano nervous necrosis virus strain RGNNVBE2006 protein A gen Nucleotide  
HLA-B major histocompatibility complex, class I, B [Homo sapiens] Gene  
bawal emas malaysia AND (alive[prop]) (1) Gene  
bawal emas malaysia (12) Genome  
nodavirus malaysia bawal emas (12) Genome



### SKOP 3: Penyelidikan dan Pembangunan Rawatan Alternatif Akuakultur

Tajuk Kajian	Pencapaian	Tahun
<p><i>Edwardsiella ictaluri</i> infection in <i>Pangasius</i> sp., its pathogenicity &amp; acceptability of garlic (kajian makmal dan lapangan)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>garlic/bawang putih dengan kepekatan 80% merupakan dos yang boleh diterima dan disukai (acceptability and palatability) oleh ikan patin.</li> <li>Makanan ikan yang mengandungi bawang putih diberikan kepada ikan patin selama 15 hari berturut-turut diikuti dengan pelet makanan ikan yang biasa bagi selebihnya.</li> </ul>	2022-2023
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Di peringkat lapangan, selama 5 bulan kajian, tiada bakteria <i>Edwardsiella ictaluri</i> yang dipencilkan dari sampel ikan patin ternakan sangkar yang menerima rawatan bawang putih di dalam pelet makanan berbanding ikan dari sangkar kawalan.</li> </ul>	2023
<p>Penyaringan herba terhadap bakteria patogen ikan: penggunaan jenis pelarut yang berbeza</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti antibakteria daripada enam ekstrak tumbuhan Senduduk (<i>Melastoma malabathricum</i>), Semambu (<i>Azadirachta indica</i>), Mahkota dewa (<i>Phaleria Macrocarpa</i>), Munggai (<i>Moringa oleifera</i>), Mengkudu (<i>Morinda citrifolia</i>), dan Gelenggang (<i>Senna alata</i>) telah diuji terhadap bakteria patogen ikan.</li> <li>Bakteria yang diuji mewakili bakteria Gram positif dan Gram negative seperti <i>V. alginolyticus</i>, <i>V. vulnificus</i>, <i>A. hydrophila</i>, <i>S. agalactiae</i> dan <i>E. tarda</i>. Keputusan menunjukkan ekstrak methanol daripada Mahkota Dewa dengan diameter zon rencatan (DIZ, mm) yang sederhana menghalang pertumbuhan <i>V. alginolyticus</i> (12 mm) dan <i>V. vulnificus</i> (14 mm).</li> <li>Menurut kajian ini, methanol adalah pelarut terbaik untuk mengekstrak sebatian bioaktif dari ekstrak tumbuhan kerana ia menghasilkan aktiviti antibakteria (DIZ) <i>in-vitro</i> tertinggi.</li> </ul>	2021
<p>Aktiviti antibakteria tumbuhan <i>Cassia alata</i> terhadap bakteria patogenik ikan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kajian ini bertujuan untuk menilai potensi antimikrob ekstrak methanol daripada daun Gelenggang (<i>Cassia alata</i>) terhadap bakteria Gram-negatif <i>Vibrio alginolyticus</i> dan <i>Edwardsiella ictaluri</i>.</li> <li>Ekstrak methanol Gelenggang menunjukkan aktiviti antibakteria yang ketara terhadap <i>E. ictaluri</i> dengan diameter zon rencatan di antara 8-14 mm.</li> <li>Melalui penentuan MIC dan MBC, <i>E. ictaluri</i> juga kelihatan paling sensitif terhadap ekstrak methanol Gelenggang dengan nilai MIC sebanyak 200 mg/ml.</li> <li>Walaupun bagaimanapun, MIC daripada ekstrak methanol gelenggang adalah tinggi untuk aplikasi penggunaan di dalam merawat jangkitan bakteria pada ikan ternak.</li> </ul>	2021-2022
<p>Aktiviti antiparasitik ekstrak mengkudu terhadap <i>Pterobdella arugamensis</i> pada ikan siakap</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ekstrak Senduduk (<i>Melastoma malabathricum</i>) menunjukkan keberkesanan yang lebih tinggi dalam membunuh lintah laut (<i>Pterobdella arugamensis</i>) berbanding ekstrak Mengkudu (<i>Morinda citrifolia</i>).</li> <li>Pada kepekatan 6.25 mg/ml, ekstrak Senduduk berjaya membunuh lintah-lintah tersebut, manakala ekstrak Mengkudu memerlukan kepekatan yang lebih tinggi iaitu 25 mg/ml untuk mencapai kesan yang sama.</li> <li>Penemuan ini menunjukkan bahawa kedua-dua ekstrak tumbuhan tersebut mempunyai tahap bioaktiviti yang berbeza terhadap spesies lintah laut yang dikaji.</li> </ul>	Jun 2023

Tajuk Kajian	Pencapaian	Tahun
Keberkesanan ekstrak jus bawang putih terhadap Vibriosis dalam siakap putih di lapangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Keputusan menunjukkan bahawa ekstrak jus bawang putih yang ditambah kepada makanan ikan dapat meningkatkan imuniti dengan menjadikan ikan siakap putih lebih tahan terhadap jangkitan <i>Vibrio</i> sp. dan meningkatkan prestasi pertumbuhan.</li> </ul>	2022
Khasiat ekstrak jus Bawang Putih ( <i>Allium sativum</i> L.) terhadap <i>Edwardsiella ictaluri</i> dalam <i>Pangasianodon hypophthalmus</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kepekatan 80% ekstrak jus bawang putih dipilih sebagai kepekatan optimum kerana sifat antimikrobnya adalah lebih berkesan berbanding kepekatan ekstrak jus bawang putih yang lain.</li> </ul>	2022
Kesan Rawatan EOCIN ke Atas Pertumbuhan Udang Pada <i>P. vannamei</i> Ternakan Tangki Berkapasiti Tinggi di FRIGP dan Sistem RAS di FRITD	<ul style="list-style-type: none"> <li>AHPND, IMNV dan DIV1 tidak dikesan, walaubagaimanapun EHP dikesan dengan prevalen tinggi di antara 70-100% di FRIGP dan 5-20% di FRITD. Jangkitan EHP menyebabkan pertumbuhan udang putih agak perlahan walaubagaimanapun, udang yang dirawat dengan EOCIN menunjukkan prestasi yang lebih baik daripada kawalan.</li> </ul>	2022
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kajian kedua 'feeding trial' masih berjalan seperti dirancang. AHPND, EHP dan IMNV tidak dikesan pada udang putih daripada kumpulan kawalan dan rawatan di dalam percubaan pertama 'feeding trial 1' sehingga Julai, 2023.</li> </ul>	Sehingga Jun 2023
Penambahbaik Protokol Pemberian Makanan Berfungsi dalam Pengurusan Kesihatan Udang Putih Sistem Ternakan Superintensif	<ul style="list-style-type: none"> <li>Keputusan kajian menunjukkan pemberian pelet makanan mengandungi EOCIN sebagai aditif dapat meningkatkan pertumbuhan udang putih dan mencegah kejadian penyakit (AHPND). Peningkatan pertumbuhan adalah signifikan pada peringkat awal kemasukan benih (<math>p &lt; 0.01</math>) dan juvenil DOC 33-47 (<math>p &lt; 0.05</math>).</li> </ul>	2021
Kajian kawalan parasit Capsalid dengan pati minyak kayu manis komersial (EOCIN) dalam ternakan ikan marin.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sebanyak 20 ekor benih ikan telah di sampel. Tiada jangkitan Capsalid sp. dikesan. Persampelan pertama pada DOC 16 selepas pemberian EOCIN selama 14 hari menunjukkan prevalen jangkitan Capsalid untuk ikan kawalan adalah 10% manakala ikan makan EOCIN adalah 5%. Persampelan kali kedua pada pada DOC 56 menunjukkan prevalen jangkitan Capsalid sp bagi ikan kawalan adalah 10% dan ikan yang makan EOCIN adalah 5%.</li> </ul>	Sehingga Jun 2023
Analisis Mikrobiom Usus Kerapu Hibrid, <i>Epinephelus</i> sp. Selepas Menerima Diet Oral Minyak Kayu Manis Komersial	<ul style="list-style-type: none"> <li>Matlamat utama kajian adalah untuk meneroka sama ada pengambilan minyak kayu manis komersial (EOCIN) oleh ikan kerapu akan menjejaskan profil mikrobiota usus. Untuk mencapai matlamat ini, lima GI daripada setiap individu kerapu hibrid menerima EOCIN secara berterusan selama 14 hari dan kerapu hibrid yang menerima makanan tanpa EOCIN telah disampel untuk analisis mikrobiota. Keputusan menunjukkan perbezaan yang ketara dalam GI mikrobiom kerapu hibrid terutamanya bakteria dari kumpulan Vibrionaceae, berbanding dengan kerapu hibrid tanpa EOCIN. Peratusan rendah (1-10%) bagi tiga spesies <i>Photobacterium aphoticum</i>, <i>V. panuliri</i> dan <i>V. ponticus</i> dalam usus kerapu hibrid menerima EOCIN berbanding dengan 25-40% dalam ikan tanpa EOCIN. Kesimpulannya, pengambilan berterusan EOCIN boleh memodulasi mikrobiota usus dalam kerapu hibrid dan menyediakan asas saintifik untuk membangunkan strategi berkesan dalam pengurusan kesihatan ikan kerapu.</li> </ul>	2021

# LAMPIRAN OUTPUT & AKTIVITI SKOP 3

## Penyaringan herba



